

## PENGETAHUAN DAN KEMAHIRAN GURU PENDIDIKAN ISLAM PENDIDIKAN KHAS MASALAH PENDENGARAN DALAM PENGAJARAN IQRA'

HIFZAN MAT HUSSIN<sup>1\*</sup> ([hifzanmathussin83@gmail.com](mailto:hifzanmathussin83@gmail.com))  
KAMARULZAMAN ABDUL GHANI<sup>2</sup> ([kamarulzaman@umk.edu.my](mailto:kamarulzaman@umk.edu.my))

<sup>1,2</sup>. *Fakulti Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insan, Universiti Malaysia Kelantan, Malaysia*

### ABSTRAK

*Pendidikan Islam merupakan mata pelajaran teras yang wajib dipelajari oleh semua murid Islam termasuk murid berkeperluan khas seperti bermasalah pendengaran yang tergolong dalam golongan mukallaf. Mereka diwajibkan beribadah dalam agama seperti solat, puasa dan haji. Program j-QAF Pendidikan Khas telah dilaksanakan pada tahun 2007, yang menekankan Model Pengajaran dan Pembelajaran Iqra' bertujuan untuk memantapkan mata pelajaran Pendidikan Islam. Namun, data e-pelaporan j-QAF pada setiap tahun menunjukkan tahap bacaan iqra' dalam kalangan murid pendidikan khas tidak menunjukkan peningkatan yang ketara, walaupun program tersebut telah dilaksanakan lebih 10 tahun. Oleh itu, kajian ini bertujuan meneroka pengetahuan dan kemahiran guru Pendidikan Islam Pendidikan Khas (GPIPK) dalam pengajaran iqra' murid berkeperluan khas masalah pendengaran di Kelantan. Kajian ini memilih kaedah kajian kualitatif secara kajian kes dan pensampelan secara bertujuan melibatkan tujuh orang peserta sebagai informan daripada tiga buah sekolah di Kelantan. Secara keseluruhan dapatan kajian telah menemui enam tema, bagi menjawab persoalan kajian. Kajian ini memberi manfaat kepada GPIPK, pihak pentadbir, Pejabat Pendidikan Daerah, Jabatan Pendidikan Negeri dan juga Kementerian Pendidikan Malaysia iaitu Bahagian Pendidikan Khas dan Bahagian Pendidikan Islam dalam usaha menambah baik pengajaran GPIPK serta sebagai sumber rujukan bagi cadangan kajian masa depan.*

**Kata kunci:** *Pendidikan Islam, Iqra', Guru Pendidikan Islam Pendidikan Khas, Masalah Pendengaran, Pengetahuan, Kemahiran*

### PENGENALAN

Pendidikan Islam adalah asas pengetahuan agama Islam yang wajib diketahui dan dipelajari oleh semua muslim. Justeru setiap penganut agama Islam harus tahu membaca dan mendalami ilmu al-Quran. Ini termasuklah golongan istimewa seperti bermasalah pendengaran, penglihatan, pembelajaran mahupun fizikal. Mereka perlu diajar untuk mempelajari al-Quran dan pendidikan agama Islam, sama seperti muslim normal yang lain (Karamah et al., 2019). Ini penting agar kehidupan mereka terbimbing dan sejahtera.

Individu pendidikan khas bermasalah pendengaran atau pekak merupakan insan yang berakal dan wajib menerima dakwah serta wajib mempelajari ilmu agama. Mereka juga merupakan sebahagian daripada kumpulan individu yang berkembang dan mewarnai kehidupan sesebuah masyarakat yang turut membentuk sebuah bangsa, negara dan tamadun (Siti Rahmah et al., 2019). Begitu juga mereka harus berkembang sebagaimana insan tipikal lain, aktif dalam masyarakat dan beribadah kepada Allah kerana hakikat manusia diciptakan adalah untuk beribadat kepadaNya (Hamdi Ishak, 2011). Golongan pekak ini ditaklifkan dengan kewajipan menunaikan rukun Islam.

Firman Allah yang bermaksud :

*“Tidak aku jadikan jin dan manusia melainkan untuk beribadat kepadaKu”*

(Surah Az-Zariyat 51: 56)

Asas ilmu fardu ain dan ilmu-ilmu lain dalam Islam adalah pengajian al-Quran yang merupakan subtopik utama dalam pengajian Pendidikan Agama Islam (Siti Patonah et al., 2014). Komponen al-Quran adalah bahagian terpenting dalam mata pelajaran Pendidikan Agama Islam. Kepentingan mempelajari al-Quran ini selari dengan dasar kerajaan iaitu mewajibkan setiap pelajar beragama Islam belajar pelajaran Pendidikan Agama Islam. Tidak kira samada diperingkat rendah atau menengah, semua murid muslim wajib mempelajari pelajaran Pendidikan Agama Islam, termasuklah murid berkeperluan khas (MBK). Namun, isi kandungannya diubah suai dan mengikut tahap murid pendidikan khas.

Program j-QAF telah dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia untuk memperkasa pembelajaran mata pelajaran Pendidikan Agama Islam dalam kalangan murid-murid, termasuklah murid pendidikan khas. Perkataan j-QAF adalah singkatan bagi Jawi, al-Quran, Bahasa Arab dan Fardu Ain yang telah diperkenalkan oleh Tun Abdullah Ahmad Badawi, iaitu mantan Perdana Menteri Malaysia ke lima pada tahun 2005. Seterusnya pelaksanaan Program j-QAF Pendidikan Khas yang dilaksanakan pada tahun 2008, merupakan perancangan jangka masa panjang kerajaan dalam membantu meningkatkan penguasaan mata pelajaran Pendidikan Islam khususnya terhadap murid-murid berkeperluan khas. Program j-QAF di kelas pendidikan khas memberi penekanan terhadap dua (2) aspek pembelajaran iaitu al-Quran berasaskan Modul Pengajaran dan Pembelajaran Kaedah Iqra' dan juga asas fardu ain berasaskan Modul Amali Solat yang dipraktikkan pada peringkat sekolah rendah. Modul-modul tersebut telah diubah suai mengikut keupayaan murid pendidikan khas. Pelaksanaan j-QAF Pendidikan Khas melalui Program Pendidikan Khas Integrasi (PKKI) berdasarkan pekeliling KPM Bil 2./2007 bertarikh 15 sehingga 17 Jun 2007 (Safarina & Norshidah, 2018).

Menurut Sabariah dan Saiful (2014), Program j-QAF di kelas pendidikan khas hanya menfokuskan kepada dua aspek modul ini dalam kalangan murid-murid pendidikan khas agar ia dapat diamalkan dalam kehidupan seharian. Pada asasnya, kurikulum ini telah diubah suai dan ditambah baik mengikut tahap keupayaan murid pendidikan khas dan bergantung kepada jenis kecacatan mereka. Penilaian penguasaan murid terhadap Model Pengajaran Kaedah Iqra' dan Model Amali Solat ini akan dinilai dan direkod sebanyak sekali dalam seminggu, seterusnya rekod pencapaian murid ini akan diisi dalam kaedah sistem e-pelaporan j-QAF pada bulan Jun dan Oktober setiap tahun.

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 adalah salah satu dasar kerajaan yang sangat murni kerana ia memberi peluang pendidikan kepada semua murid di Malaysia. Terkandung pada bahagian empat, murid berkeperluan khas yang terdiri daripada bermasalah penglihatan, bermasalah pendengaran, bermasalah pembelajaran seperti autism, down sindrom, hiperaktif (ADHD), lembam, *slow learner*, disleksia dan juga kecacatan fizikal akan dimajukan dari sudut pendidikan agar tidak ketinggalan dalam arus kemajuan negara (KPM, 2013).

Di Malaysia, murid berkeperluan khas dapat mengikuti sistem persekolahan melalui tiga (3) pilihan, iaitu:

- a. Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas (SKPK): Sekolah pendidikan khas dengan dengan keseluruhan muridnya adalah berkeperluan khas.
- b. Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI): Kelas khusus untuk murid berkeperluan khas yang diwujudkan di sekolah kebangsaan biasa.
- c. Program Pendidikan Inklusif (PPI): Program percampuran murid berkeperluan khas antara satu hingga lima orang yang dapat mengikuti PdPc dalam kelas arus perdana.

Namun, sehebat mana pun dasar yang dilaksanakan, ia tidak akan membuahkan hasil yang baik tanpa pelaksanaan yang bersungguh-sungguh. Dalam hal ini, guru adalah agen pelaksana utama bagi melaksanakan dasar tersebut. Guru merupakan agen penting dalam memastikan agenda pendidikan negara terlaksana. Menurut Abdul Halim dan Mohamad Khairul Azman (2010), guru yang memiliki ketinggian akhlak seperti diajar oleh baginda Rasulullah saw adalah merupakan sifat dan ciri seorang

guru dalam Islam. Guru yang baik akan berusaha bersungguh-sungguh untuk memastikan murid-muridnya faham apa yang diajarnya.

Lebih-lebih lagi tenaga pengajar mata pelajaran Pendidikan Islam di kelas pendidikan khas khususnya, memikul beban amanah yang lebih besar bagi menyampaikan ilmu Pendidikan Islam dalam diri setiap murid berkeperluan khas. Guru Pendidikan Islam bertanggungjawab dalam menyampaikan agama Allah khususnya ilmu al-Quran dan fardu ain yang wajib dipelajari oleh setiap muslim walau golongan istimewa. Menurut Siti Patonah et al. (2014), teknik dan kaedah yang sesuai diperlukan oleh murid berkeperluan khas, sesuai dengan tahap keupayaan mental dan fizikal mereka. Jadi, sudah tentulah guru yang mengajar murid ini perlu menyesuaikan kaedah pengajarannya supaya lebih mudah dan dapat dicapai oleh mereka.

## **KAJIAN LITERATUR**

Elemen pengetahuan guru dan kemahiran pengajaran merupakan agenda penting dalam menghasilkan amalan pengajaran guru Pendidikan Islam Pendidikan Khas (GPIPK) yang berkualiti merangkumi nilai profesionalisme, pengetahuan dan kemahiran guru (Bahagian Pendidikan Guru, 2016). Dokumen Awal Pelan Induk Pembangunan Profesionalisme Keguruan (PIPPK) 2016, dalam bab tiga bahagian pembangunan kompetensi telah menyatakan bahawa kompetensi dibangunkan berteraskan kepada pengetahuan, kemahiran dan nilai profesional keguruan. Elemen kompetensi guru merupakan domain utama dalam rancangan Pembangunan Profesionalisme Berterusan (PPB). Kompetensi merujuk keupayaan seseorang menguasai dan membudayakan pengetahuan, kemahiran dan nilai profesional bagi melaksanakan tugas dan amanah dengan berkesan (Bahagian Pendidikan Guru, 2016).

Elemen dalam Standard Guru Malaysia 2.0 juga merangkumi tiga aspek yang mana salah satunya melibatkan pengetahuan yang perlu ada pada guru. Standard Amalan Nilai Profesionalisme Keguruan memperinci kompetensi amalan nilai profesionalisme keguruan berdasarkan domain diri, profesion dan sosial yang patut ada pada seseorang guru. Standard Pengetahuan dan Kefahaman di mana ia memperinci kompetensi ilmu pengetahuan dan kefahaman tentang subjek pengkhususan, ilmu pendidikan, kurikulum dan kokurikulum yang patut ada pada seseorang guru. Standard Kemahiran Pengajaran dan Pembelajaran memperincikan kompetensi kemahiran pengajaran dan pembelajaran yang patut dikuasai oleh seseorang guru (Bahagian Profesionalisme Guru, n.d.).

Para sarjana dalam pelbagai bidang telah merumuskan pelbagai bentuk pengetahuan guru yang wujud. Sebagai contoh, timbul teori Pengetahuan Pedagogi Kandungan (PPK) mengenai pengetahuan yang perlu ada pada seseorang guru untuk mengajar (Shulman, 1987). Pengetahuan Pedagogi Kandungan ini banyak dibahaskan dalam kajian-kajian berkaitan amalan pengajaran guru. Terdapat juga kajian mengenai pengetahuan yang perlu ada dalam menjalankan tugas sebagai guru Pendidikan Islam (Kamarul Azmi, 2010).

Walau bagaimanapun, Muhamad Hafizan & Anuar Ahmad (2017) telah mengkaji mengenai pengaruh pengetahuan isi kandungan terhadap aplikasi pengajaran yang berkesan dalam kalangan guru-guru mata pelajaran sejarah. Hasil kajian menunjukkan bahawa tahap pengetahuan isi kandungan subjek berada pada tahap sederhana. Implikasi dapatan kajian ini adalah untuk menyedarkan guru akan pentingnya penguasaan terhadap pengetahuan isi kandungan subjek demi meningkatkan kualiti pengajaran sejarah. Safarina & Norshidah (2018) dalam kajiannya juga mendapati bahawa guru pendidikan khas mempunyai tahap pengetahuan yang sangat rendah berkaitan Program Pendidikan Khas Integrasi. Pengetahuan guru bidang Pendidikan Islam yang tidak mendapat latihan dalam pendidikan khas tetapi ditempatkan dalam Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) memberi kesulitan terhadap peranan GPI dalam melaksanakan program j-QAF terhadap murid bermasalah pendengaran. Ini akan memberi kesan buruk kepada penguasaan isi kandungan dan juga pedagogi.

Penguasaan pengetahuan isi kandungan yang rendah ini sudah pasti akan memberi kesan negatif terhadap proses pengajaran dan pembelajaran MBK (Muhamad Hafizan & Anuar, 2017). Sangat penting untuk guru menguasai ilmu dalam mata pelajaran yang diajar, serta bagaimana ilmu itu diajar (pedagogi) dan prinsip semasa perancangan dan pelaksanaan pengajaran (Nur Hanani et al., 2014). Justeru, guru yang mempunyai pengetahuan isi kandungan yang tinggi sangat diperlukan dalam menghasilkan proses pengajaran yang berkesan, lebih-lebih dalam mengajar murid berkeperluan khas.

Oleh itu, pengetahuan guru amat penting dalam menggalas tanggungjawab besar sebagai pendidik, lebih-lebih lagi guru pendidikan khas yang mengajar mata pelajaran Pendidikan Islam. Proses mendidik dan membentuk murid-murid yang berjaya memerlukan pengetahuan dan kefahaman guru yang tinggi. Pengetahuan dan juga amalan pengajaran guru saling memerlukan di antara satu sama lain (Kamala et al., 2018). Justeru, pengetahuan guru adalah penting bagi tujuan menyampaikan sesuatu isi kandungan. Guru yang mempunyai pengetahuan yang baik, dapat mengaplikasikannya dalam bentuk pengajaran dalam bilik darjah. Ini termasuklah pengetahuan guru berkaitan prinsip perkembangan kanak-kanak yang sangat penting dalam setiap proses pembelajaran dan pertumbuhan mental kanak-kanak, apatah lagi murid berkeperluan khas yang tidak sama tumbesaran fizikal dan mental mereka.

Guru perlu sentiasa berusaha menambah pengetahuannya sama ada dalam aspek pengajaran atau ilmu berkaitan psikologi untuk menarik minat murid belajar. Pengetahuan yang banyak berkaitan pelajaran yang diajar juga penting untuk menambah keyakinan seseorang guru. Oleh itu, guru perlu sentiasa memastikan kefahaman yang mendalam terhadap sesuatu ilmu agar dihormati dan dipercayai oleh murid (Masrizal et al., 2019). Selain itu, pengetahuan terhadap murid merupakan satu aspek penting dalam pengetahuan kandungan pedagogi untuk dikuasai oleh guru Pendidikan Islam dalam menghasilkan pengajaran yang berkualiti (Shulman, 1987; Nur Hanani et al., 2013).

Guru Pendidikan Islam juga perlu berpengetahuan tinggi dari segi strategi, pendekatan, kaedah dan teknik yang digunakan semasa mengajar tilawah al-Quran, khususnya iqra' bagi murid berkeperluan khas pendengaran. Ini kerana faktor strategi, pendekatan, kaedah dan teknik akan membawa kepada pengajaran yang berkesan. Amalan pengajaran dan pembelajaran al-Quran pada asasnya merujuk kepada guru Pendidikan Islam dalam mempraktikkan gabungan pelbagai aktiviti pengajaran yang jelas dari aspek strategi, pendekatan, kaedah dan teknik yang membawa kepada sesuatu amalan pengajaran (Norakyairee, 2019).

Selain itu, guru harus berpengetahuan dalam membuat penilaian terhadap sesi pengajaran yang berlangsung semada sebelum, ketika dan selepas sesi PdPc agar guru mengetahui tahap pencapaian yang dapat dicapai oleh murid (Kamarul Azmi & Ab. Halim, 2019). Begitu juga pengetahuan guru untuk memastikan murid dapat memahami pelajaran yang telah diajar sebelum beralih ke pelajaran baharu. Ini bersesuaian dalam mengajar iqra' murid-murid pendidikan khas masalah pendengaran. Sarjana Islam seperti Al-Ghazali (1939) dalam Ihya 'Ulumuddin telah membincangkan secara mendalam bagaimana pendidikan yang berkesan memerlukan proses pengajaran yang sistematik, tersusun, teratur dan beransur-ansur, mengikut tahap kemampuan pelajar.

Kemahiran mengajar ialah perkara penting dalam komponen keperluan guru menurut (Dunkin & Biddle, 1974). Kemahiran mengajar ini merupakan antara elemen asas dalam Model Standard Guru Malaysia (SGM 2016). Model ini menyenaraikan tiga standard dalam memperkasa profesionalisme keguruan, iaitu:-

1. Amalan nilai profesionalisme keguruan;
2. Pengetahuan dan kefahaman; dan
3. Kemahiran PdP

Kemahiran memulakan pengajaran, mengemukakan soalan, menggunakan contoh-contoh, menggunakan papan hitam, menutup pelajaran, kemahiran menyediakan soalan-soalan yang baik, kemahiran pengurusan bilik darjah dan kemahiran memotivasikan murid adalah antara kemahiran mengajar yang perlu dikuasai oleh seseorang guru (Abdul Halim & Mohamad Khairul, 2010). Amalan pengajaran Tilawah al-Quran adalah berbentuk mengajar kemahiran (Mohd Aderi, 2009). Justeru, kemahiran mengajar mata pelajaran iqra' kepada murid berkeperluan khas tidak boleh dipandang enteng.


Kemahiran mengajar akan menjadikan aktiviti pengajaran dapat dilaksanakan dengan sistematik, iaitu dari permulaan pengajaran sehinggalah aktiviti peneguhan dan pengukuhan (Hamdi et al., 2012). Impaknya adalah guru akan berjaya mendorong dan menarik perhatian mereka supaya berminat mengikuti pengajaran guru seterusnya dapat meningkatkan kefahaman murid. Kemahiran insaniah atau *soft skills* di kalangan guru perlu dimiliki dan dipertingkatkan bagi menjamin keberkesanan proses PdPc. Guru bukan sahaja mempunyai kelayakan dalam bidang Pendidikan Islam, bahkan guru perlukan kemahiran untuk menyalurkan ilmu tersebut. Proses pengajaran dan pembelajaran pasti terbantut dan ilmu tidak dapat disampaikan dengan sebaiknya jika seseorang guru tiada kemahiran berbahasa isyarat untuk berkomunikasi dengan murid cacat pendengaran mereka. Oleh itu, kemahiran tertentu untuk menyampaikan Pendidikan Islam kepada golongan OKU Muslim sangat diperlukan untuk menghasilkan pengajaran yang berkesan (Izuli & Asmawati, 2018).

## **METODOLOGI**

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dan memilih reka bentuk kajian kes. Kajian ini menggunakan kaedah pensampelan bertujuan yang mana peserta kajian terdiri daripada 7 orang guru Pendidikan Islam yang mengajar murid pendidikan khas masalah pendengaran. Kajian ini memilih kaedah temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen rancangan pengajaran harian guru untuk mendapatkan data. Kajian ini menggunakan perisian ATLAS.ti versi 9 untuk menganalisis dapatan kajian.

### **Analisis Ciri Demografi Informan**

Bahagian ini melaporkan analisis latar belakang informan yang terdiri daripada jantina, umur, pengalaman mengajar, kelulusan tertinggi dan penempatan pertama. Analisis data latar belakang peserta kajian adalah seperti yang ditunjukkan dalam rajah 1 di bawah.



Rajah 1 : Analisis Ciri Demografi Informan

Rajah 1 menunjukkan ciri demografi informan yang berjumlah seramai 7 orang. Dari jumlah ini seramai 6 orang peserta adalah perempuan manakala seorang peserta adalah lelaki. Kesemua peserta kajian ini mempunyai pengalaman mengajar murid pekak yang sangat lama kerana sukurangnya mereka mempunyai pengalaman mengajar selama tujuh tahun.

## OBJEKTIF KAJIAN


Kajian ini bertujuan untuk;

- Meneliti sejauhmana pengetahuan guru Pendidikan Islam dalam pengajaran iqra' murid berkeperluan khas pendengaran.
- Meneroka kemahiran guru Pendidikan Islam dalam pengajaran iqra' murid berkeperluan khas pendengaran.

## DAPATAN KAJIAN

### Objektif pertama

Secara keseluruhan dapatan kajian berkaitan objektif pertama telah menemui tiga tema utama bagi menjawab persoalan kajian. Tema pengetahuan permulaan pengajaran, pengetahuan perkembangan pengajaran dan pengetahuan penutup pengajaran adalah bagi menjawab persoalan kajian pertama. Dapatan dan analisis kajian ditunjukkan seperti dalam rajah 2 di bawah:



Rajah 2: Dapatan berkaitan pengetahuan guru

Berdasarkan Rajah 2 di atas, terdapat tiga tema besar bagi persoalan kajian pertama. Tema pertama adalah pengetahuan permulaan pengajaran. Tema kedua adalah pengetahuan perkembangan pengajaran. Manakala tema ketiga adalah pengetahuan penutup pengajaran. Ketiga-tiga tema ini mempunyai beberapa kategori tertentu berdasarkan kod-kod yang telah ditemui dari transkrip temu bual, nota lapangan pemerhatian dan analisis dokumen RPH yang telah dilaksanakan.


Tema pengetahuan permulaan pengajaran lahir dari kategori yang dinamakan sebagai set induksi. Kod-kod berkaitan set induksi yang terhasil dari proses pengekodan ialah guru menggunakan video, papan hitam, buku teks, bacaan doa, gambaran lakaran huruf, gambar dan penerangan objektif PdPc. Sepanjang proses temu bual dan juga pemerhatian yang dijalankan, penyelidik mendapati beberapa bentuk amalan yang digunakan oleh peserta kajian ketika mereka memulakan pengajaran iaitu guru membaca doa, guru menerangkan tajuk, guru menulis di papan tulis, guru menunjukkan huruf asas hijaiyyah dan guru terus mengajar.

Manakala tema kedua, iaitu pengetahuan perkembangan pengajaran terhasil dari kategori aktiviti atau kaedah pengajaran iqra'. Kategori ini terhasil dari lima kod awalan, iaitu perkenalkan huruf, perkenalkan baris mudah, baca ikut guru (BIG), kaedah tasmik dan kaedah Fakeh. Hampir keseluruhan peserta kajian melaksanakan pengajaran iqra' melalui aktiviti asas iaitu perkenalkan huruf hijaiyyah secara kod tangan. Setelah murid-murid mengenal huruf hijaiyyah, mereka akan memperkenalkan baris mudah iaitu baris di atas, baris di bawah dan baris di hadapan. Seterusnya, guru akan membaca setiap kalimah dan murid diminta mengikut kod tangan yang ditunjukkan guru atau dalam kaedah pengajaran iqra' model j-QAF kaedah ini dikenali sebagai Baca Ikut Guru (BIG).

Seterusnya tema terakhir adalah pengetahuan penutup pengajaran yang terbit dari kategori penilaian. Kategori penilaian ini terhasil dari lima kod yang telah dijumpai dalam proses mengekod data melalui perisian ATLAS.ti versi 9 iaitu latihan pengukuhan, soal jawab, tasmik berjadual, tanda dalam buku penilaian tasmik dan juga isi e-Pelaporan j-QAF.

**Objektif kedua**

Terdapat tiga tema besar bagi menjawab objektif kedua kajian. Tema pertama, iaitu kemahiran sebelum pengajaran. Tema kedua, iaitu kemahiran semasa pengajaran dan seterusnya tema terakhir adalah kemahiran selepas pengajaran. Ketiga-tiga tema ini mempunyai beberapa kategori tertentu berdasarkan kod-kod yang telah ditemui dari transkrip temu bual, nota lapangan dan analisis dokumen RPH yang telah dilaksanakan.



**Rajah 3: Kesimpulan Tema Soalan Kajian 2 (SK 2)**

Tema pertama, iaitu kemahiran sebelum pengajaran terhasil dari kategori yang dinamakan sebagai kemahiran perancangan. Kategori kemahiran perancangan ini lahir dari kod-kod awalan Dokumen Standard Kurikulum Pendidikan (DSKP), buku Rancangan Pengajaran Harian (RPH), buku iqra' dan juga buku bahasa isyarat. Majoriti peserta kajian merancang pengajaran iqra' melalui empat jenis bahan ini.

Manakala tema kedua, iaitu kemahiran semasa pengajaran terhasil dari empat kategori, iaitu kemahiran pendekatan pengajaran, kemahiran komunikasi, kemahiran penggunaan BBM dan kemahiran peneguhan positif. Kategori-kategori ini terhasil dari 19 kod awal. Bagi kategori pertama, iaitu kemahiran pendekatan pengajaran, peserta kajian menggunakan dua jenis pendekatan iaitu pendekatan berpusatkan murid dan pendekatan berpusatkan guru.



Kategori kedua bagi tema kedua untuk menjawab soalan kajian kedua adalah kemahiran komunikasi. Terdapat dua kod berkaitan kategori ini iaitu komunikasi dua hala dan komunikasi menyeluruh. Berdasarkan analisis dokumen dan pemerhatian yang dilaksanakan, kebanyakan guru menggunakan komunikasi dua hala dalam pengajaran. Peserta kajian juga melaksanakan bentuk komunikasi menyeluruh, iaitu menggunakan komunikasi bukan lisan termasuk mimik muka dalam memberi kefahaman kepada murid dalam pengajaran.

Kategori ketiga bagi tema kedua untuk menjawab soalan kajian kedua adalah kemahiran penggunaan BBM. Terdapat tujuh kod berkaitan kategori ini iaitu papan hitam, buku iqra', video, buku teks, kad huruf, gambar dan kad penomboran. Hasil temu bual yang dilaksanakan, kebanyakan peserta kajian menggunakan buku iqra' dan kad huruf hijaiyyah sebagai bahan bantu mengajar. Majoriti murid hanya berada pada bacaan iqra' satu dan dua sahaja, maka guru banyak menggunakan kad huruf hijaiyyah untuk memudahkan pemahaman murid-murid.

Kategori keempat dari tema kedua bagi menjawab persoalan kajian kedua adalah kemahiran peneguhan positif. Sesungguhnya peneguhan positif yang berupa ganjaran atau pujian adalah merupakan suatu usaha untuk membangkitkan motivasi dalaman dalam diri setiap individu. Lebih-lebih lagi murid berkeperluan khas yang sentiasa mahu dipuji dan didorong. Terdapat tujuh jenis peneguhan positif yang diamalkan oleh para peserta kajian, iaitu beri bintang, beri coklat, beri duit, beri hadiah alat tulis, berkata bagus, tepuk tangan dan juga murid berlakon menjadi cikgu. Hasil temu bual yang dilakukan, kebanyakan informan mengamalkan kaedah peneguhan positif ini kerana murid-murid sangat teruja dan seronok apabila diberi ganjaran, pujian atau penghargaan apabila dapat menjawab soalan dengan betul atau berkelakuan baik semasa proses pengajaran. Hasil pemerhatian yang dilakukan juga mempamerkan murid-murid sangat gembira apabila guru bertepuk tangan atau berkata bagus apabila mereka melakukan sesuatu yang bermakna dalam pembelajaran.

Seterusnya tema terakhir adalah kemahiran selepas pengajaran yang lahir dari kategori kemahiran pengukuhan dan kategori ini terbit dari tiga kod awalan. Kod-kod tersebut adalah latih tubi bacaan, latihan pengukuhan dan juga soal jawab. Berdasarkan pemerhatian dan temu bual yang dilaksanakan, kebanyakan peserta kajian mengakhiri proses pengajaran dengan memberikan latihan pengukuhan berbentuk membuat latihan dalam lembaran kerja atau buku aktiviti dan juga berbentuk tasmik iaitu mendengar bacaan murid selepas pengajaran. Selain itu, informan melaksanakan aktiviti latih tubi bacaan dengan menguji pembacaan iqra' setiap murid samada secara kumpulan atau individu. Guru juga gemar bersoal jawab dengan murid bagi menguji tahap kefahaman dan ingatan murid-murid.

## **PERBINCANGAN**

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa guru-guru berpengetahuan dalam pengamalan induksi set, kaedah atau aktiviti pengajaran iqra' dan penilaian pengajaran.

### **a. Set induksi**

Set induksi adalah satu pendekatan bagi memulakan pengajaran. Tema yang lahir dari kategori set induksi adalah tema pengetahuan permulaan pengajaran. Set induksi ini amat penting kerana set induksi diibaratkan sebagai umpan untuk menarik minat murid mendengar ilmu yang bakal disampaikan oleh guru.

Mohd Nahi bin Abdullah (2018) telah melaksanakan kajian berkaitan amalan pengajaran Tilawah al-Quran dalam kalangan Guru Pendidikan Islam Sekolah Agama Bantuan Kerajaan dan dapatan kajian menunjukkan bahawa ciri-ciri pengamalan pengajaran Tilawah al-Quran berkesan dalam kalangan GPISABK dari aspek amalan set induksi adalah berkait rapat dengan pendekatan memperkenalkan tajuk. Dapatan ini hampir sama dengan pemerhatian ke atas pengajaran informan 1 dan informan 5 yang memilih set induksi dengan menerangkan objektif kajian dan juga tajuk yang akan dipelajari.

Secara keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan bahawa semua peserta kajian telah mengambil kira dan mengamalkan penggunaan set induksi untuk memulakan pengajaran. Tema amalan permulaan pengajaran lahir dari kategori set induksi dan tema ini telah menjawab persoalan pertama kajian, iaitu berkaitan pengetahuan pengajaran guru Pendidikan Islam dalam pengajaran iqra'.

b. Aktiviti/ Kaedah Pengajaran Iqra'

Tema kedua dalam menjawab persoalan kajian mengenai pengetahuan pengajaran guru adalah pengetahuan perkembangan pengajaran. Perkembangan pengajaran adalah bahagian penyampaian yang merangkumi segala langkah yang perlu diambil atau dilakukan dalam pengajaran bagi mencapai objektif dan matlamat PdPc. Penyampaian merupakan pengajaran sebenar. Tema ini lahir dari kategori aktiviti/ kaedah pengajaran iqra'. Kategori ini terhasil dari lima kod awalan, iaitu perkenalkan huruf, perkenalkan baris mudah, baca ikut guru (BIG), kaedah tasmik dan kaedah Fakeh. Hakikatnya, tiada aktiviti atau kaedah pengajaran tertentu yang dapat diiktiraf sebagai satu kaedah pengajaran yang terbaik dalam apa jua mata pelajaran di sekolah (Hamdi Ishak, 2011; Norakyairee Mohd Raus, 2019).

Berdasarkan temu bual dan pemerhatian yang dilakukan, keseluruhan informan mengaplikasikan lima kaedah atau aktiviti ini dalam pengajaran iqra'. Hasil pengamatan pengkaji, mendapati belum ada kajian berkaitan kaedah pengajaran iqra', khususnya bagi murid pendengaran. Namun, terdapat beberapa kajian berkaitan kaedah pengajaran dan pembelajaran al-Quran MBK pendengaran. Antaranya ialah Ummu Karamah & Hamdi Ishak (2019), Muhammad Sayuti et al. (2020), Izuli Dzulkifli et al. (2021), Muhammad Zaid & Rosadah (2020) dan Muhammad Sayuti et al. (2012).

Iqra' adalah salah satu kaedah dalam pengajaran dan pembelajaran al-Quran (Siti Patonah et al., 2014). Kaedah iqra' dilaksanakan di semua sekolah kebangsaan termasuklah di kelas pendidikan khas dan kaedah iqra' ini menjadi kaedah pengajaran yang utama dalam pengajaran al-Quran setelah program j-QAF dilaksanakan di Malaysia (Mohd Azmir & Mohd Azrani, 2015).

Kategori perkenalkan huruf dan perkenalkan baris mudah juga boleh diklasifikasikan sebagai kaedah pengajaran visual. Kategori baca ikut guru dan tasmik boleh dikatakan juga sebagai kaedah pengajaran secara takrir atau pengulangan. Takrir adalah salah satu proses pembelajaran yang diajar dalam Islam dan sering diguna pakai dalam sistem hafalan (Siti Patonah Mohamad et al., 2014). Manakala kaedah Fakeh merupakan salah satu kaedah pengajaran al-Quran untuk murid pekak. Ini bertentangan dengan dapatan kajian Mohd Nahi bin Abdullah (2018) berkenaan kaedah pengajaran yang kerap digunakan dalam pengajaran Tilawah al-Quran murid tipikal ialah kaedah Talaqqi Mushafahah.

c. Penilaian Pengajaran

Kategori terakhir dalam menjawab persoalan pertama adalah penilaian pengajaran. Tema yang lahir bagi kategori penilaian ini adalah pengetahuan penutup pengajaran. Penilaian pengajaran merupakan salah satu daripada tugas yang perlu dilaksanakan oleh guru semasa atau selepas pengajaran dan pembelajaran. Pengetahuan guru tentang pencapaian pelajar sedikit sebanyak membantu guru dalam mencorakkan perancangan pengajaran dan pembelajaran seterusnya pengetahuan baru buat pelajar (Kamarul Azmi & Mohd Aderi, 2013). Penilaian pengajaran juga merupakan salah satu perkara penting yang perlu ada dalam proses pelaksanaan KBAT di Malaysia, iaitu mengaplikasi, menganalisis, menilai dan mencipta (Mohd Syaubari & Mohd Ridhuan, 2021). Setiap orang guru perlu sentiasa berfikir apakah murid-murid mendapat pengetahuan yang telah disampaikan dan adakah murid faham akan pengajaran tersebut. Oleh itu, guru perlu sentiasa menilai tahap pencapaian murid bagi membolehkan guru mengetahui sama ada objektif-objektif yang dirancang tercapai atau tidak. Tindakan proaktif perlu dilakukan jika guru mendapati murid tidak faham akan pengajaran guru.

Dapatan juga menunjukkan peserta kajian membuat penilaian latihan pengukuhan dengan menggunakan bahan bantu yang terdiri daripada buku tulis atau buku latihan, lembaran kerja dan juga papan tulis. Dapatan ini selari dengan hasil kajian Hamdi Ishak et al. (2012) berkaitan amalan pengajaran guru Pendidikan Islam masalah pendengaran. Dari segi kaedah penilaian, amalan peserta kajian adalah dalam bentuk guru menulis latihan di papan tulis dan murid menyalin serta menjawab soalan sama ada secara lisan atau bahasa isyarat. Selain itu, murid membuat latihan dalam buku tulis atau buku latihan dan murid membuat latihan dalam lembaran kerja. Peserta kajian juga membuat penilaian dalam bentuk pengukuhan pengajaran dan pembelajaran, iaitu dengan membuat latihan di papan tulis, menggunakan lembaran kerja, membuat latihan, mengulang perbuatan dan juga mengulang pertanyaan.


Secara keseluruhannya, kebanyakan peserta kajian didapati sentiasa membuat penilaian dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran mereka. Ini disebabkan guru Pendidikan Islam yang mengajar murid-murid pendidikan khas perlu sentiasa menilai sejauhmana kefahaman dan pengetahuan murid terhadap apa yang telah dipelajari. Jika murid masih tidak memahami pelajaran yang diajar, guru akan kembali mengulang pelajaran tersebut. Kaedah ini merupakan kaedah pengulangan atau pembelajaran masteri. Strategi pembelajaran masteri telah digunakan secara meluas dengan kejayaan yang besar dalam meningkatkan nisbah murid yang mencapai kriteria penguasaan pembelajaran (Bloom, 1973). Bloom mencadangkan pendekatan pembelajaran masteri kepada pengajaran di mana pelajar tidak beralih kepada topik baru sehingga topik sebelumnya telah dikuasai (Barry J. Zimmerman & Maria K. Dibenedetto, 2008). Oleh itu penyelidik mendapati peserta-peserta kajian kerap mengulang-ulang tajuk atau pelajaran yang telah dipelajari oleh murid.

Dapatan kajian juga menunjukkan kemahiran pengajaran guru meliputi enam aspek, iaitu kemahiran perancangan, kemahiran komunikasi, kemahiran pendekatan pengajaran, kemahiran penggunaan BBM, kemahiran peneguhan positif dan kemahiran pengukuhan.

#### a. Kemahiran Perancangan

Tema pertama, iaitu kemahiran sebelum pengajaran adalah untuk menjawab persoalan kajian kedua. Tema ini lahir dari kategori kemahiran perancangan. Secara keseluruhannya semua peserta kajian melakukan perancangan sebelum memulakan proses pengajaran dan pembelajaran. Guru disarankan membuat perancangan yang teliti dengan mengambil kira pelbagai aspek (Mohd Aderi Che Noh, 2009). Berikut merupakan rajah 4 Diagram Sankey berkaitan aktiviti perancangan yang dilaksanakan

oleh para peserta kajian. Kebanyakan peserta kajian menggunakan buku iqra' dan buku Rancangan Pengajaran Harian (RPH) sebagai bahan utama untuk merancang.



**Rajah 4: Diagram Sankey Perancangan Pengajaran**

Manakala tema kedua untuk menjawab persoalan kajian kedua adalah kemahiran semasa pengajaran. Tema ini lahir dari empat kategori, iaitu kategori kemahiran komunikasi, kemahiran pendekatan pengajaran, kemahiran penggunaan BBM dan kemahiran peneguhan positif. Penyelidik membahagikan dapatan kemahiran pendekatan pengajaran kepada dua pendekatan iaitu pendekatan pengajaran berpusatkan guru dan pengajaran berpusatkan murid. Daripada pendekatan ini pelbagai kaedah digunakan oleh peserta kajian bagi memastikan murid dapat menerima maklumat atau isi kandungan pelajaran yang ingin disampaikan.

**b. Kemahiran Pendekatan Pengajaran**

Melalui pendekatan pengajaran berpusatkan guru, antara kaedah yang dikenal pasti oleh penyelidik telah digunakan oleh informan ialah menulis nota di papan tulis, penerangan, memberi contoh, perbincangan, baca ikut guru (BIG) dan soal jawab. Bagi amalan pengajaran berpusatkan murid pula kaedah yang diamalkan ialah bersoal jawab, interaksi rakan sebaya, latihan dalam lembaran kerja, menulis latihan di papan tulis, menulis nota di dalam buku tulis dan juga tasmik secara kumpulan dan perseorangan. Berdasarkan kajian dari Mohd Nahi (2018), guru Pendidikan Islam lebih memberi tumpuan kepada penglibatan pelajar secara aktif. Ini bertepatan dengan dapatan kajian Nur Hanani et al. (2014) yang mana pelaksanaan pengajaran berpusatkan murid lebih dominan.

Guru Pendidikan Islam perlu lebih kreatif dalam strategi pengajaran dan pembelajaran yang berpusatkan pelajar kerana pelajar era informasi dan teknologi kini lebih suka dengan aktiviti pembelajaran aktif dan mencabar (Nor Izzati, 2021). Pembelajaran aktif berpusatkan pelajar telah disahkan keberkesanannya oleh kajian-kajian sarjana pendidikan dalam pelbagai bidang (Kamarul Azmi & Mohd Aderi, 2013). Strategi ini bukan meniadakan fungsi guru sebagai sumber utama dalam


menyampaikan ilmu tetapi memantapkan lagi kaedah pengajaran dan pembelajaran guru. Pendekatan pengajaran berpusatkan murid ini juga selari dengan dapatan kajian yang telah dilaksanakan oleh Nur Hanani et al. (2014). Oleh itu guru Pendidikan Islam perlu menguasai kaedah pengajaran yang berpusatkan pelajar dan bersedia menginovasikan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam agar dapat merealisasikan visi utama pendidikan negara dalam melahirkan pelajar yang berciri holistik.

Selain itu, dapatan menunjukkan ada dalam kalangan murid bermasalah pendengaran boleh mengeluarkan suara dan peserta kajian menggalakkan murid-murid ini membaca iqra' dengan menggunakan suara, disamping berkod tangan. Walau bagaimanapun, sepanjang pemerhatian penyelidik, semua peserta kajian bersungguh-sungguh mengajar dengan menggunakan suara dan bahasa isyarat. Semua guru mengaplikasikan kaedah komunikasi seluruh, iaitu menggunakan suara dan gerakan tangan serta mimik muka secara serentak. Komunikasi seluruh ini bertepatan dengan dapatan kajian yang telah dilakukan oleh Hamdi Ishak et al. (2012), yang mana guru faham bahawa perlu juga bersuara lisan dan menggunakan seluruh gerakan tangan dan mimik muka untuk mengajar murid-murid pekak. Ini menunjukkan kesungguhan informan memberi kefahaman kepada semua murid, lebih-lebih lagi kanak-kanak bermasalah pendengaran ringan dan sederhana perlu diajar pertuturan (Ratna Hanin, 2016).

### c. Kemahiran Penggunaan BBM

Secara keseluruhannya peserta kajian menggunakan pelbagai alat sebagai bahan bantu pengajaran. Dapatan kajian ini juga menunjukkan peserta kajian sentiasa menggunakan bahan bantu mengajar yang dapat membantu pemahaman dan pencapaian murid dalam pengajaran dan pembelajaran mereka (Nur Syamira et al., 2017). Berdasarkan rajah Diagram Sankey 5 dibawah, kebanyakan guru menggunakan buku iqra' dan kad huruf sebagai bahan bantu mengajar. Ini sesuai dengan murid pendengaran yang mempunyai kekuatan visual berbanding mendengar dan bertutur.

Daripada kajian ini penyelidik dapat membuat rumusan bahawa peserta kajian telah menggunakan bahan bantu mengajar dalam proses melaksanakan pengajaran dan pembelajaran iqra', namun begitu bahan bantu mengajar yang ada masih lagi kurang. Guru hanya banyak menggunakan buku iqra' dan kad huruf. Walau bagaimanapun, dapatan ini bertentangan dengan kajian Mohd Nahi (2018), yang mana buku teks menjadi rujukan utama guru Pendidikan Islam yang mengajar di sekolah agama bantuan kerajaan.



Rajah 5: Diagram Sankey Kemahiran Penggunaan BBM

Tuntasnya, tahap penggunaan Bahan Bantu Mengajar (BBM) masih berada pada tahap yang kurang memuaskan, dimana guru kurang menggunakan BBM berasaskan teknologi dan multi media. Oleh itu, GPI disarankan menggunakan bahan bantu mengajar yang berasaskan teknologi selari dengan pengajaran abad ke 21 (Norhisham et al., 2021; Safarina & Norshidah, 2018; Siti Patonah et al., 2014). Apatah lagi murid pendidikan khas pendengaran yang lebih sukakan aktiviti berbentuk visual.


Pelan Induk Pembangunan Pendidikan Malaysia (PIPPM 2013-2025) menyatakan guru harus memanfaatkan ICT dalam sesi pengajaran dan pembelajaran. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) turut komited dalam memastikan semua keperluan asas disediakan. Menjelang tahun 2020, untuk mencapai status negara maju, kerajaan telah memastikan segala infrastruktur ICT disediakan dan semua guru perlu melestarikan penggunaan ICT bukan hanya di institusi pengajian tinggi malahan menyeluruh di semua peringkat pendidikan (Siti Syafawati & Nurul Farhana, 2020).

#### d. Kemahiran Peneguhan Positif

Berdasarkan temu bual dan pemerhatian pengkaji, para peserta kajian mengamalkan kemahiran peneguhan positif seperti memberi ganjaran dan pujian kepada murid-murid. Ini selari dengan Model Pengajaran Berkesan oleh Slavin (1994) yang telah menetapkan bahawa ganjaran adalah salah satu item penting dalam pengajaran guru yang berkesan. Menurut Slavin (1994), terdapat dua cara untuk guru memberikan motivasi kepada pelajar supaya terus belajar. Pertama, guru perlu menyediakan pengajaran yang boleh menarik minat dan menyeronokkan pelajar dengan mempelbagaikan kaedah pengajaran dan pelbagai alat bantu mengajar (ABM). Kedua, guru boleh memberi insentif kepada pelajar dengan cara memberikan ganjaran atau pujian kepada pelajar yang dapat menguasai sesuatu kemahiran atau memberi dendaan kepada pelajar yang tidak dapat menguasai sesuatu kemahiran (Norakyairee, 2019).

Peneguhan positif ini bertepatan dengan keperluan penghargaan diri dalam Teori Maslow yang mana ini merupakan antara keperluan tertinggi yang diperlukan oleh setiap individu. Peneguhan positif merupakan fenomena gerak balas tertentu yang diteguhkan disebabkan kewujudan sesuatu peneguh berkenaan (Periakka Rengaya Chinaya, 2016). Apatah lagi murid berkeperluan khas yang sentiasa memerlukan sokongan dan perhatian serta elemen kreatif dari pengajaran seseorang guru, berbanding murid tipikal. Banyak kajian yang membuktikan perkaitan peneguhan positif dengan pencapaian akademik dalam bilik darjah (Noor Azreena & Mohd Hanafi, 2018).

Berdasarkan dapatan temu bual dan pemerhatian, para peserta kajian telah mengamalkan tujuh jenis peneguhan positif iaitu memberi bintang, berlakon menjadi cikgu, beri hadiah alat tulis, beri duit, beri coklat, tepuk tangan dan berkata bagus. Sebagaimana rajah 6 di bawah, dapatan menunjukkan peserta kajian gemar memberi duit sebagai ganjaran. Ini bertepatan dengan kajian yang telah dilakukan oleh Noor Azreena & Mohd Hanafi (2018), Norakyairee (2019) dan Zalina et al. (2016) bahawa penggunaan ganjaran dan ekonomi token penting dalam menggalakkan murid belajar dan meningkatkan prestasi murid dalam akademik mahupun tingkahlaku. Penggunaan ganjaran atau peneguhan positif dalam proses PdPc dilihat sebagai satu inisiatif untuk mengawal situasi pembelajaran MBK (Siti Patonah et al., 2014).



**Rajah 6: Diagram Sankey kemahiran peneguhan positif**

Kesimpulan dari aspek peneguhan positif ini adalah para informan kebanyakannya menceritakan mengenai lima item peneguhan positif yang dilaksanakan semasa sesi temu bual. Namun begitu, hasil pemerhatian yang dilakukan peserta kajian hanya bertepuk tangan dan berkata bagus kepada murid yang boleh menjawab dengan betul. Walau bagaimanapun, pengkaji hanya melakukan dua pemerhatian ke atas dua orang peserta kajian dan dapatan dari pemerhatian ini tidak menyeluruh kepada kesemua peserta kajian.

## **RUMUSAN**

Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa elemen pengetahuan dan kemahiran guru saling berkaitan antara satu sama lain dalam menghasilkan proses pengajaran iqra' murid berkeperluan khas pendengaran yang berkesan. Terdapat enam elemen kemahiran guru yang diamalkan dalam pengajaran iqra' dan elemen kemahiran ini sangat penting dalam membantu pengajaran guru, selain tiga elemen pengetahuan guru.

Dapatan kajian ini memberi sumbangan terhadap bidang ilmu Pendidikan al-Quran, khususnya pengajaran iqra' bagi murid pendidikan khas bermasalah pendengaran. Selain itu, akan memberi sumbangan yang besar kepada institusi pendidikan, khususnya sekolah, guru Pendidikan Islam Pendidikan Khas dan ibu bapa yang mempunyai anak OKU serta masyarakat. Kajian ini juga memberi

sumbangan terhadap kepentingan teori pengajaran iqra' pendidikan khas pendengaran. Oleh itu, dapatan kajian ini memberi implikasi bahawa pengetahuan dan kemahiran pengajaran yang diamalkan oleh guru penting dalam memberi perkhidmatan terbaik kepada murid berkeperluan khas pendengaran.

## RUJUKAN

- Abdul Halim Tamuri, & Mohamad Khairul Azman Ajuhary. (2010). Amalan pengajaran guru Pendidikan Islam berkesan berteraskan konsep Mu'allim. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 2(1), 43–56.
- Bahagian Pendidikan Guru. (2016). Dokumen Awal Pelan Induk Pembangunan Profesionalisme Keguruan (PIPPK). In *Kementerian Pendidikan Malaysia*. www.moe.gov.my
- Bahagian Profesionalisme Guru. (n.d.). *Kementerian Pendidikan Malaysia*.
- Barry J. Zimmerman, & Maria K. Dibenedetto. (2008). Mastery learning and assessment: Implications for students and teachers in an era of high-stakes testing. *Wiley InterScience*, 45(3), 274–283.
- Bloom, B. S. (1973). Recent developments in mastery learning. *Educational Psychologist*, 10(2), 53–57.
- Dunkin, M., & Biddle, B. (1974). *The study of teaching*. New York: Holt, Rinehart and Winston.
- Hamdi Ishak. (2011). Amalan pengajaran guru Pendidikan Islam di sekolah kebangsaan pendidikan khas (Masalah pendengaran). Satu kajian kes [Universiti Kebangsaan Malaysia]. In *Tesis yang tidak diterbitkan*.
- Hamdi Ishak, Ab Halim Tamuri, Rosadah Abdul Majid, & Safani Bin Bari. (2012). Amalan pengajaran guru dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam di Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas (Masalah pendengaran). *Journal of Islamic and Arabic Education*, 4(2), 11–24.
- Izuli Dzulkifli, & Asmawati Suhid. (2018). Pendidikan Islam pemangkin modal insan OKU muslim. *Journal of Quran Sunnah Education & Special Needs*, 2(2), 37–45.
- Izuli Dzulkifli, Asmawati Suhid, Fathiyah Mohd Fakhruddin, & Nor Aniza Ahmad. (2021). Activity-based teaching of Quran for deaf students in the Special Education Integration Program. *SOCIAL SCIENCES & HUMANITIES*, 29(1), 91–106.
- Kamala Ratnam, Aliza Alias, & Hasnah Toran. (2018). Pengetahuan dan amalan aktiviti perbualan pagi oleh guru prasekolah pendidikan khas bermasalah pembelajaran (PPKBP). *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 43(1(SI)), 59–66.
- Kamarul Azmi Jasmi. (2010). Guru cemerlang Pendidikan Islam sekolah menengah di Malaysia: Satu kajian kes. In *Universiti Kebangsaan Malaysia*.
- Kamarul Azmi Jasmi, & Ab. Halim Tamuri. (2019). *Pendidikan Islam kaedah pengajaran dan pembelajaran*. UTM Press.
- Kamarul Azmi Jasmi, & Mohd Aderi. (2013). Sejarah, kaedah serta model pengajaran dan pembelajaran al-Quran. *Bengkel Pemulihan Dan Pengayaan Pengajaran Dan Pembelajaran (PdP) Al-Quran SRA JAWI (Remedial and Enrichment Workshop for Teaching and Learning Quran SRA JAWI) At*, 16(January 2013), 1–17.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 - 2025*. Education. <http://linkinghub.elsevier.com/retrieve/pii/S0742051X10001435>
- Masrizal, Marzuki, Syahrul Awali, Azmi Yudha, Maria Ulfa, & Nurul Aida. (2019). Code of ethics for teachers in Islamic education perspective Muhammad Athiyah Al-Abrasyi. *Britain International of Linguistics Arts and Education (BioLAE) Journal*, 1(2), 199–209.
- Mohd Aderi Che Noh. (2009). Amalan pengajaran Tilawah al-Quran : Satu tinjauan terhadap persepsi guru di sekolah menengah harian Malaysia. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 1(1), 57–72.
- Mohd Azmir Mohd Nizah, & Mohd Azrani Asran. (2015). J-QAF in empowering Muslim Malaysian national primary school students : Issues and challenges. *Elixir International Journal*, 78(January), 29635–29637.
- Mohd Nahi bin Abdullah. (2018). *Amalan pengajaran tilawah al-Quran berkesan dalam kalangan guru Pendidikan Islam*.
- Mohd Syaubari Othman, & Mohd Ridhuan Mohd Jamil. (2021). Penilaian pelaksanaan pengajaran guru Pendidikan Islam (GPI): Mengintegrasikan kemahiran berfikir aras tinggi (Kbat) di negeri Terengganu, Malaysia. *Asian People Journal (APJ)*, 4(2), 16–28.
- Muhamad Hafizan Mohd Suhairi, & Anuar Ahmad. (2017). Pengaruh pengetahuan isi kandungan terhadap aplikasi pengajaran yang berkesan dalam kalangan guru-guru Sejarah. *International Conference on Global Education V*, 10-11 April, 2457–2474.
- Muhammad Sayuti Sabdan, Norlidah Alias, Mohd Yakub @ Zulkifli Mohd Yusof, & Nazean Jomhari. (2020).



- Keperluan pembangunan modul pedagogi Surah al-Fatihah dan tiga Qul berasaskan teknologi untuk pelajar pekak di kolej vokasional. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, April, 2013–2025.
- Muhammad Sayuti Sabdan, Norlidah Alias, Nazean Jomhari, Khairul Azhar Jamaludin, & Dorothy DeWitt. (2012). The usability evaluation of Fakhir method based on technology for students with hearing difficulties : The user's retrospective. *The Malaysian Online Journal of Educational Technology*, 2(2), 46–52.
- Muhammad Zaid Abdul Samat, & Rosadah Abd Majid. (2020). Implikasi kaedah Tahfiz Akhyar terhadap pembelajaran dan pengajaran Surah Al-Fatihah kepada murid pekak. *Journal of Quran Sunnah Education & Special Needs*, 4(2), 34–44.
- Noor Azreena A Aziz, & Mohd Hanafi Mohd Yasin. (2018). Token economy to improve concentration among students with learning disabilities in primary school. *Journal of ICSAR*, 2(1), 32–36.
- Nor Izzati Mahd Nor. (2021). Pendidikan Islam bagi kanak-kanak berkeperluan khas: Guru sebagai murabbi. *Journal of Quran Sunnah Education & Special Needs*, 5(1), 64–76.
- Norakyairree Mohd Raus. (2019). *Amalan pengajaran Al-Quran dalam kalangan guru Pendidikan Islam sekolah kebangsaan pendidikan khas (Penglihatan) di Malaysia*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Norhisham Muhamad, Muhammad Zulazizi Mohd Nawawi, & Norhasniza Daud. (2021). Tahap kemahiran dan sikap guru terhadap penggunaan multimedia dalam pengajaran dan pembelajaran al-Quran murid autisme. *Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs*, 5(December 2021).
- Nur Hanani Hussin, Mohd Aderi Che Noh, & Ab. Halim Tamuri. (2013). Elemen mengenali murid dalam pengajaran guru cemerlang Pendidikan Islam. *The Online Journal of Islamic Education*, 1(2), 10–19.
- Nur Hanani Hussin, Mohd Aderi Che Noh, & Ab. Halim Tamuri. (2014). The religious practices teaching pedagogy of Islamic education excellent teachers. *Mediterranean Journal of Social Sciences*, 5(16), 239–246.
- Nur Syamira Abdul Wahab, Maimun Aqsha Lubis, Ramlee Mustapha, Aisyah Sjahrony, & Dedek Febrian. (2017). Kefahaman Al-Quran Dan Jawi Melalui Permainan. *ASEAN Comparative Research Journal on Islam and Civilization (ACER-J)*, 1(January), 41–53.
- Periakka Rengaya Chinaya. (2016). *Pengurusan tingkah laku murid pendidikan khas*. Sasbadi Sdn. Bhd.
- Ratna Hanin Salleh Udin. (2016). Meningkatkan pertuturan dan pembacaan murid-murid bermasalah pendengaran melalui kaedah sebut baca bergambar. *Asian Education Action Research Journal*, 5(1970), 58–71.
- Sabariah Bahrin, Saiful Akhyar Lubis, & Fakhru Adabi Abdul Kadir. (2014). Pelaksanaan kurikulum j-QAF oleh guru pelatih Institut Pendidikan Guru Kampus Kent, Tuaran, Sabah. *Jurnal Usuluddin*, 39, 135–157.
- Safarina Ujang, & Norshidah Mohamad Salleh. (2018). Pelaksanaan Jawi, Al-Quran, Bahasa Arab, Fardu Ain (j-QAF) dalam Program Pendidikan Khas Integrasi. *Jurnal ORTOPEDAGOGIA*, 4(1), 59–65.
- Shulman, L. . (1987). Knowledge and teaching : Foundations of the new reform. *Harvard Educational Review*, 57(1), 1–22.
- Siti Patonah Mohamad, M.Y. Zulkifli Mohd Yusoff, & Durriyah Sharifah Hasan Adli. (2014). Pengajaran dan pembelajaran al-Quran bagi golongan kelainan upaya mental: Analisis dari sumber tradisi Islam. *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari*, 8(Jun), 1–19.
- Siti Rahmah Ahmad Razuan, Norakyairree Mohd Raus, Mahyuddin Hashim, & Mohd Nur Adzam Rasdi. (2019). Pendidikan al-Quran bagi OKU: Pengalaman Pusat Penyelidikan Ibnu Maktum (UMMI). *Journal of Islamic Social Sciences and Humanities*, 20(2), 78–98.
- Siti Syafawati Iliyas, & Nurul Farhana Jumaat. (2020). Pembelajaran menerusi aplikasi mudah alih dan kesannya terhadap pembelajaran huruf hijaiyah murid pra-sekolah. *Innovative Teaching and Learning Journal*, 3(2), 30–41.
- Slavin, R. E. (1994). Quality, appropriateness, incentive, and time: A model of instructional effectiveness. *International Journal of Educational Research*, 21(2), 141–157.
- Ummu Karamah Alias, & Hamdi Ishak. (2019). Implementation of Quranic education on hearing impaired students in Malaysia. *5th International Students Social Sciences Congress*, 1(November).
- Ummu Karamah Alias, Hamdi Ishak, & Sabri Mohamad. (2019). Kaedah-kaedah bacaan al-Quran dalam kalangan orang kurang upaya pendengaran. *Jurnal Al-Turath*, 4(2), 59–67.
- Zalina Katman, Mohd Hanafi Yasin, & Mohd Mokhtar Tahar. (2016). Penggunaan Peneguhan Positif : Pujian dan Token Ekonomi untuk Modifikasi Tingkahlaku Murid Pendidikan Khas ‘ Slow Learner .’ *Jurnal Pendidikan*, 1(2), 1–9.

## MODUL PENDIDIKAN PEMAKANAN DALAM MEMBANTU MASALAH BANTUT KANAK-KANAK PRASEKOLAH: FOKUS ELEMEN PENGETAHUAN & KEFAHAMAN

Anis Salwani binti Mahmood<sup>1\*</sup> (anis117m@gmail.com)

Azizah binti Zain<sup>2</sup> (azizah.zain@fpm.upsi.edu.my)

Ahmad Shidki bin Mat Yusoff<sup>3</sup> ([shidki@ipgmksm.edu.my](mailto:shidki@ipgmksm.edu.my))

<sup>1,3</sup>IPG Kampus Sultan Mizan, Besut, Terengganu, <sup>2</sup>Fakulti Pembangunan Manusia UPSI Tanjung Malim, Perak

### ABSTRAK

Pendidikan pemakanan merupakan satu elemen penting yang terkandung dalam Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan di Malaysia. Pembelajaran berkaitan pemakanan amat penting untuk meningkatkan kesedaran tentang pentingnya menjaga kesihatan dari segi amalan pemakanan dan gaya hidup yang sihat disamping melakukan aktiviti fizikal. Isu kesihatan seperti kekurangan pengambilan zat makanan menyebabkan ramai kanak-kanak di Malaysia mengalami masalah ketinggian yang tidak seiring dengan usia iaitu bantut. Guru perlu menyediakan pengajaran dan pembelajaran yang dapat membantu meningkatkan pengetahuan serta pemahaman kanak-kanak wajar diberi perhatian seiring dengan isu masalah bantut kanak-kanak bermula di awal usia iaitu prasekolah. Kajian ini dijalankan adalah untuk mengenalpasti sama ada guru-guru prasekolah mempunyai pengetahuan dan pemahaman tentang masalah bantut dalam kalangan kanak-kanak prasekolah bagi membantu guru menjalankan pengajaran dan pembelajaran. Analisis keperluan dijalankan menggunakan kaedah kuantitatif dengan instrumen soal selidik diberi kepada 30 orang guru prasekolah sekitar Daerah Besut dari prasekolah yang berbeza. Instrumen mengandungi dua konstruk yang dinilai iaitu tahap pengetahuan dan tahap pemahaman guru tentang masalah bantut kanak-kanak prasekolah. Data yang diperolehi di analisis secara deskriptif untuk mengetahui Nilai Pekali Alpha Cronbach, Min dan Sisihan Piawai bagi setiap konstruk. Hasil kajian mendapati Nilai Pekali Alpha Cronbach bagi tahap pengetahuan guru adalah 0.907 dan tahap pemahaman guru adalah 0.919. Implikasi kajian ini adalah dapat melihat tahap pengetahuan dan pemahaman guru prasekolah terhadap isu bantut kanak-kanak prasekolah. Kajian ini ditambah baik di masa akan datang dengan menjalankan kajian ke atas lebih ramai responden bagi memperoleh data analisis keperluan yang lebih tepat.

**Kata Kunci:** Bantut, kanak-kanak prasekolah, pengetahuan, pemahaman

### PENGENALAN

Pendidikan pemakanan memainkan peranan yang sangat penting dalam kehidupan seseorang bermula dari kanak-kanak. Banyak kajian terhadap kepentingan pemakanan dilaksanakan bagi mencapai tahap kesihatan yang optimum. Amalan pemakanan yang tidak sihat menyebabkan kanak-kanak tidak mengambil nutrisi yang diperlukan oleh badan mereka. Ini akan menjurus kepada masalah kurang zat makanan dalam kalangan kanak-kanak dan mengganggu proses perkembangan serta tumbesaran kanak-kanak. Kesan yang jelas akibat kekurangan zat makanan adalah seperti obesiti, kurus, bantut, menghidap penyakit kronik, perkembangan kognitif terganggu, cenderung untuk mati awal dan sebagainya. Definisi bantut adalah apabila ketinggian mengikut umur mereka melebihi dua sisihan piawai di bawah median Piawai Pertumbuhan Kanak-kanak WHO (WHO, 2006; WHO et al., 2019). Kajian terkini di Malaysia mendapati bahawa kadar keterbantutan kanak-kanak adalah tinggi. Terdapat kajian yang menyatakan masalah bantut kanak-kanak baru-baru ini mendapat perhatian umum di Malaysia, tetapi masih terdapat kekurangan pemahaman umum mengenai isu ini (Kok, 2020). Isu ini semakin dipandang serius kerana kesannya bukan sahaja menjejaskan kesihatan malah pencapaian pendidikan yang lebih rendah, produktiviti ekonomi yang lebih rendah dan peningkatan risiko penyakit